

HELAIAN PENDEDAHAN PRODUK
(English Version)

Sila baca dan fahami Helaian Pendedahan Produk ini berserta dengan terma dan syarat di dalam surat tawaran sebelum anda membuat keputusan untuk menerima Produk berikut:

“Hong Leong Branch Business Shop Loan” / “Hong Leong Branch Business Housing Loan” atau “Hong Leong Business Working Capital” (jika berkenaan)

Sila hubungi Hong Leong Bank (“Bank”) untuk sebarang penjelasan lanjut, jika perlu.



< Nama Produk >

Date: < Tarikh Surat Tawaran ditawarkan >

1. Apakah produk ini?

“Hong Leong Branch Business Shop Loan”, “Hong Leong Branch Business Housing Loan” dan “Hong Leong Business Working Capital” ini dihitung berdasarkan kadar boleh ubah dan anda menawarkan hartanah anda sebagai cagaran untuk kemudahan ini.

Ia memberi fleksibiliti dari segi pembayaran balik dan juga penjimatan faedah.

Apa-apa bayaran lebihan selepas menolak bayaran ansuran anda dan sebarang caj yang perlu dibayar, akan dianggap sebagai “Bayaran Pendahuluan”.

Bayaran Pendahuluan tidak akan dianggap sebagai bayaran terdahulu dan selepas itu akan memberi kesan kepada baki belum jelas untuk tujuan penghitungan faedah. Faedah dihitung ke atas Baki Belum Jelas Layak, iaitu perbezaan antara baki belum jelas pinjaman (termasuk caj) (“Baki Belum Jelas”) dengan Bayaran Pendahuluan atau sehingga 30% Baki Belum Jelas, mengikut mana yang lebih rendah.

Pengeluaran daripada bayaran lebihan di bawah Bayaran Pendahuluan dengan notis bertulis.

Nota Penting:

Untuk maklumat lanjut, sila rujuk pada Surat Tawaran dengan Terma dan Syarat Utama yang berkaitan dan berkenaan dengan kemudahan anda.

2. Apakah yang akan saya perolehi daripada produk ini?

Kemudahan 1 – Pinjaman Bertempoh

Perkara	Penerangan	
Jumlah Pembiayaan	RM < Jumlah Amaun yang Dipinjam >	
Margin Pembiayaan *	<_>%	
Tempoh Pembiayaan	< Tempoh Pembiayaan yang diluluskan > bulan	
Kadar Faedah/ Kadar Pinjaman Efektif	Kadar Faedah	Kadar Pinjaman Efektif
	Tahun 1: BLR <-/+_>%	<_>%
	Tahun 2-3: BLR <-/+_>%	<_>%
	Thereafter: BLR <-/+_>%	<_>%

Kemudahan 2 – Pinjaman Bertempoh

Perkara	Penerangan	
Jumlah Pembiayaan	RM < Jumlah Amaun yang Dipinjam >	
Margin Pembiayaan *	<_>%	
Tempoh Pembiayaan	< Tempoh Pembiayaan yang diluluskan > bulan	
Kadar Faedah/ Kadar Pinjaman Efektif	Kadar Faedah	Kadar Pinjaman Efektif
	Tahun 1: BLR <-/+_>%	<_>%
	Tahun 2-3: BLR <-/+_>%	<_>%
	Thereafter: BLR <-/+_>%	<_>%

- Overdraft : Atas Permintaan

- Kadar Asas (BLR) kini adalah 6.89%.

* Nota: Margin Pembiayaan dikira berdasarkan harga jualan bersih / nilai pasaran semasa harta tanah, bukan berdasarkan harga SPA.

3. Apakah tanggungjawab saya?

Penting: Amaun ansuran bulanan dan jumlah bayaran balik anda akan berubah sekiranya BLR berubah.

Kadar	Hari ini (BLR=6.89%)	Jika BLR meningkat 1%	Jika BLR meningkat 2%
Kemudahan 1 – Pinjaman Bertempoh			
Ansuran bulanan	RM <_>	RM <_>	RM <_>
Jumlah kos faedah pada akhir <Tempoh Pembiayaan> bulan	RM <_>	RM <_>	RM <_>
Jumlah Pembayaran pada akhir <Tempoh Pembiayaan> bulan	RM <_>	RM <_>	RM <_>
Kemudahan 2 – Pinjaman Bertempoh			
Ansuran bulanan	RM <_>	RM <_>	RM <_>
Jumlah kos faedah pada akhir <Tempoh Pembiayaan> bulan	RM <_>	RM <_>	RM <_>
Jumlah Pembayaran pada akhir <Tempoh Pembiayaan> bulan	RM <_>	RM <_>	RM <_>
Kemudahan 3 - Overdraft			
Pembayaran faedah bulanan	Atas Permintaan	Atas Permintaan	Atas Permintaan

Nota:

- Untuk kemudahan Overdraft, anda perlu membayar faedah secara bulanan berdasarkan jumlah yang digunakan. Amaun faedah perlu bayar mungkin berbeza bergantung kepada jumlah penggunaan kemudahan. Sekiranya Overdraft tertakluk kepada had pengurangan tahunan atas terma dan syarat yang ditetapkan oleh Bank, anda dikehendaki membayar balik jumlah yang diperlukan bagi memastikan Overdraft beroperasi dalam had yang dikurangkan pada setiap masa.
- Sekiranya bayaran balik bulanan sepetimana yang telah diperuntukkan dalam jadual di atas belum bermula, anda dikehendaki membayar kepada Bank faedah bulanan (jika ada) dan dihitung berdasarkan Kadar Ditetapkan / Kadar Pinjaman Efektif ke atas jumlah baki tertunggak harian (atau berdasarkan baki bulanan sepetimana yang dinyatakan dan diterima pakai) dari pengeluaran pertama Kemudahan atau bermula dari tarikh yang dimaklumkan oleh Bank secara bertulis.
- Pihak Bank boleh dari masa ke semasa mengubah ansuran bulanan anda apabila:
 - Ianya tidak mencukupi untuk membayar faedah pinjaman; atau
 - Ansuran untuk bahagian prinsipal adalah kurang daripada 10% daripada jumlah ansuran bulanan; atau
 - Penyemakan ansuran bulan bulanan anda diperlukan sama ada oleh Bank atau anda.

4. Apakah caj lain yang perlu saya bayar?

Untuk senarai fi dan caj yang lengkap, sila layari laman web kami www.hlb.com.my/loan2 atau imbas di sini:



5. Apakah yang akan berlaku jika saya gagal memenuhi tanggungjawab saya?

- Caj bayaran lewat pada kadar satu peratus (1%) setahun akan dikenakan ke atas jumlah tunggakan, dari tempoh kegagalan membuat pembayaran sehingga tempoh jumlah tunggakan dibayar (Kedua-duanya sebelum dan juga selepas tuntutan atau penghakiman).
- Sekiranya anda gagal membuat bayaran ke atas apa-apa pembayaran wang yang dikenakan di bawah kemudahan sepanjang tempoh kemudahan bagi tempoh 100 hari dari tarikh pembayaran wang tersebut dikenakan dan perlu dibayar atau apa-apa tempoh lain yang akan dimaklumkan oleh pihak Bank dari masa ke semasa, pihak Bank, dengan budi bicaranya sendiri, berhak untuk mengubah kadar yang ditetapkan, yang akan selepas itu merangkumi Faedah Tambahan di atas kadar yang ditetapkan ("Kadar Ditetapkan yang Dipindah") ke atas kadar rehat harian atau apa-apa kadar lain sebagaimana yang ditetapkan oleh Bank

mengenai baki tertunggak. Kadar yang ditetapkan yang dipinda akan terus digunakan sehingga anda telah membayar semua amaun yang tertunggak di bawah kemudahan, mengemaskinkan pembayaran akaun anda dan/atau wang yang dikenakan bayaran dan dibayar oleh anda dengan tanggungan kurang daripada tempoh 90 hari (atau apa-apa tempoh lain yang akan dimaklumkan pihak Bank kepada anda dari masa ke semasa) dari tarikh apabila wang tersebut perlu dibayar. "Faedah Tambahan" akan dikenakan sebanyak 1.5% setahun.

- Pihak Bank mungkin menolak selesai sebarang baki kredit yang terdapat di dalam akaun anda dengan Bank bagi menjelaskan baki tertunggak di dalam akaun pembiayaan ini dengan notis bertulis.
- Tindakan undang-undang akan diambil sekiranya anda gagal memberi tindak balas tehadap notis-notis peringatan. Hartanah anda mungkin akan disita/dilelong dan anda perlu menanggung kos keseluruhannya. Anda juga bertanggungjawab untuk melunaskan sebarang kekurangan hasil jualan selepas hartaanah anda dilelong.
- Tindakan undang-undang terhadap anda mungkin akan menjaskan penarafan kredit anda dan menyebabkan kredit anda menjadi lebih sukar atau mahal untuk anda.

Penting:

Untuk maklumat lanjut, sila rujuk pada Terma dan Syarat Utama yang dilampirkan.

6. Bagaimakah sekiranya saya menyelesaikan sepenuhnya pinjaman semasa tempoh terkunci (lock-in period)?

Jika anda menebus atau menyelesaikan sepenuhnya Kemudahan anda dalam tempoh 36 bulan pertama, caj penyelesaian berikut akan dikenakan:

Penalti penyelesaian awal :

Untuk hartaanah kediaman – 3% daripada 90% jumlah had Kemudahan diluluskan untuk 36 bulan pertama selepas pelepasan pertama pinjaman, dan 80% jumlah had Kemudahan diluluskan untuk bulan ke-37 sehingga ke-60 (jika berkenaan).

Untuk hartaanah bukan kediaman – 3% daripada 85% jumlah had Kemudahan diluluskan untuk 36 bulan pertama selepas pelepasan pertama pinjaman, dan 70% jumlah had kemudahan diluluskan untuk bulan ke-37 sehingga ke-60 (jika berkenaan).

Fi penebusan/ penyelesaian awal yang ditanggung atau bakal ditanggung oleh Bank disebabkan penyelesaian awal yang mungkin meliputi kos dana, kos modal, kos kecairan, kos rizab berkanun, kadar faedah terdiskaun, dan kos lain, serta juga apa-apa fi guaman, duti setem dan/atau fi penilaian yang telah ditanggung di bawah terma Kemudahan.

Fi penebusan/penyelesaian awal kena bayar pada masa penebusan.

7. Adakah saya memerlukan sebarang perlindungan insuran/takaful?

- Semua hartaanah kediaman diperlukan untuk diinsuranskan atau perlindungan takaful diperoleh di bawah polisi pemilik kediaman, sementara hartaanah komersial dan kosong perlu diinsuranskan atau dilindungi di bawah polisi kebakaran.
 - a) Anda harus memastikan hartaanah tersebut diinsuranskan secukupnya sehingga nilai penuh mereka dapat diinsuranskan, ke atas kerugian atau kerosakan akibat kebakaran, pencahayaan, ribut, banjir, rusuhan, kekacauan awam, perbuatan jahat dan mogok dan lain-lain risiko seperti yang diminta oleh Bank;
 - b) Anda hendaklah memberikan salinan polisi atau polisi yang sah diperakui jadi dibeli/ diambil alih oleh Bank yang disahkan sebagai penerima kerugian / gadai janji bersama bukti pembayaran premium/ pembayaran takaful/ sumbangsan yang perlu dibayar di bawah polisi kepada Bank. Sekiranya Bank mengambil perlindungan insurans atau perlindungan takaful bagi pihak anda, Bank akan mendebitkan sumbangan premium insurans kebakaran/ perlindungan takaful ke dalam akaun pinjaman/ pembiayaan anda dengan notis bertulis sebelum ini kepada anda.
- Mortgage Decreasing Term Assurance ("MDTA") /Takaful Bertempoh Gadai Janji Berkurangan ("MRTT") / Mortgage Level Term Assurance("MLTA") / Takaful bertempoh Gadai Janji Bertahap ("MLTT") adalah pilihan melainkan sekiranya wajib diambil disebabkan kriteria promosi seperti yang dinyatakan dalam Surat Tawaran.
- Walau bagaimanapun anda digalakkan untuk mendapatkan MDTA/MRTT/MLTA/MLTT untuk melindungi keluarga anda daripada kehilangan hartaanah disebabkan oleh kejadian yang tidak dijangka.

- Sekiranya MDTA/MRTT/MLTA/MLTT dibiayai oleh Bank, Bank hanya akan melepaskan sumbangan premium/takaful bersama dengan pelepasan pembiayaan hartaanah pembiayaan pertama atau pada bila-bila masa selepas itu mengikut budi bicara Bank dan tertakluk kepada syarat-syarat yang berikut:
 - a) Bank telah menerima surat penerimaan / surat tawaran yang dikeluarkan oleh pengendali insuran/takaful yang diterima oleh Bank;
 - b) Bank tidak menerima apa-apa pemberitahuan daripada pengendali insuran/takaful berkenaan penolakan dan / atau rayuan surat tawaran anda;
 - c) Anda / pihak dilindungi tidak meninggal dunia sebelum pengeluaran pertama pembiayaan. Sekiranya tidak ada maklumat atau dokumen yang diberikan kepada atau diterima oleh Bank dari mana-mana pihak yang menunjukkan bahawa orang yang akan dilindungi di bawah perlindungan insuran/takaful telah meninggal dunia sebelum pembayaran pertama, maka Bank akan meneruskan bayaran pembiayaan sumbangan di bawah Pembiayaan Premium/Takaful Caruman Tunggal atau bayaran pertama Pembiayaan Premium/Takaful Caruman Biasa 2-Bayar.
 - d) Sekiranya surat penerimaan / surat tawaran yang dikeluarkan oleh pengendali insuran/takaful berkenaan telah tamat tempoh pada atau sebelum pengeluaran pertama pembiayaan, anda akan menyerahkan borang permohonan baru untuk penilaian dan surat penerimaan / surat tawaran baru yang dikeluarkan oleh pengendali insuran/takaful berkenaan hendaklah anda perolehi.
- Perlindungan MDTA/MRTT/MLTA/MLTT akan berkuatkuasa apabila sumbangan insuran/takaful penuh (termasuk apa-apa muatan atau lebihan kepada sumbangan premium/takaful asal) diterima oleh pengendali insuran/takaful berkenaan.
- Takaful Kebakaran / Takaful Pemilik Rumah ke atas hartaanah yang dicagarkan kepada Bank sebagai cagaran adalah wajib dan anda boleh memilih daripada Zurich Takaful atau pengendali takaful yang lain.

8. Apakah yang perlu saya lakukan sekiranya terdapat perubahan pada maklumat perhubungan saya?

Adalah penting untuk anda memaklumkan kepada pihak Bank tentang sebarang perubahan dalam maklumat perhubungan anda untuk memastikan anda menerima semua surat-menjurut tepat pada masanya. Untuk mengemaskini maklumat perhubungan anda, sila hubungi kami di +603-7626 8899 atau kunjungi mana-mana cawangan di seluruh negara.

9. Di manakah saya boleh mendapatkan bantuan dan membuat aduan?

- Jika anda mempunyai masalah untuk menjelaskan bayaran, anda seharusnya menghubungi pihak kami seawal mungkin bagi membincangkan pembayaran alternatif. Anda boleh menghubungi Pusat Pungutan Pengguna kami di:

Level 2, PJ City Development, No. 15A, Jalan 219, Section 51A, 46100 Petaling Jaya, Selangor
 Tel: +603-7959 1888 Faks: +603-7873 8228
 E-mel: MCC2@hlbb.hongleong.com.my
- Sebagai alternatif, anda boleh mendapatkan khidmat Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), sebuah agensi yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia untuk menyediakan perkhidmatan pengurusan wang, kaunseling kredit, pendidikan kewangan dan penstrukturkan semula pembiayaan secara percuma kepada individu. Anda boleh menghubungi AKPK di:

Tingkat 5 and 6, Menara Bumiputra Commerce, Jalan Raja Laut 50350 Kuala Lumpur
 Tel: +603-2616 7766 Emel: enquiry@akpk.org.my
- Jika anda ingin membuat aduan mengenai produk atau perkhidmatan yang disediakan oleh kami, anda boleh menghubungi kami di:

Advokasi Pelanggan
 Hong Leong Bank Berhad, 13A Floor, Menara Hong Leong, No 6, Jalan Damanlela, Bukit Damansara, 50490 Kuala Lumpur.
 Tel : +603-7626 8801 / 7626 8802 / 7626 8812 E-mail : customerservice@hlbb.hongleong.com.my
- Jika pertanyaan atau aduan anda tidak diselesaikan secara puas oleh kami, anda boleh menghubungi BNMLINK di:

4th Floor, Podium Bangunan AICB, No.10, Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur.
 Web: bnmlink.bnm.gov.my Tel: 1-300-88-5465 or 03-2174-1717 (untuk panggilan luar negara)

10. Lain-lain pakej pinjaman yang disediakan

- Hong Leong Branch Business Shop Loan
- Hong Leong Branch Business Housing Loan
- Hong Leong Business Working Capital

11. Bagaimanakah saya membayar ansuran bulanan saya?

Pembayaran ansuran bulanan anda boleh dibuat secara mudah dan ringkas melalui:

- Arahan Tetap dari akaun simpanan/semasa Hong Leong Bank/ Hong Leong Islamic Bank anda.
- Perbankan Internet (www.hongleongconnect.my) atau melalui aplikasi telefon bimbit atau tablet.
- Malaysian Electronic Payment System (MEPS) atau Interbank Giro (IBG)*

Kaedah pembiayaan alternatif termasuk:

- Pemindahan dana melalui ATM ke akaun pembiayaan anda.
- Pembayaran terus ke akaun pembiayaan anda melalui Mesin Deposit Tunai.**
- Pembayaran cek ke akaun pembiayaan anda melalui Mesin Deposit Cek.
- Pembayaran di kaunter cawangan yang berdekatan.

Penting:

* Bayaran IBG yang dilakukan secara online hanya RM0.10 setiap transaksi.

**Mulai 02/01/2015, bayaran pemprosesan cek sebanyak RM0.50 and duti setem sebanyak RM0.15 akan dikenakan ke atas setiap helaian cek.

Tertakluk kepada Cukai Kerajaan, jika berkenaan

NOTA PENTING : HARTANAH ANDA MUNGKIN DISITA JIKA ANDA TIDAK MENERUSKAN PEMBAYARAN KE ATAS PEMBIAYAAN RUMAH / KEDAI ANDA

Maklumat yang terkandung di dalam helaian pendedahan ini adalah sah pada <Tarikh Surat Tawaran dicetak>.